

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 November 2002

SOALAN

Y.B Puan Safiah Binti Jusoh minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan : a) Jumlah anak luar nikah di seluruh negara berdasarkan pecahan negeri dan kaum; dan b) Adakah Kerajaan menyediakan sebarang bentuk pakej pengurusan masa depan kanak-kanak terbabit seterusnya memastikan hubungan dengan ibu kandung mereka tidak terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kerajaan memandang berat masalah anak luar nikah atau anak tak sah taraf. Ini adalah kerana anak berkenaan yang tidak berdosa menghadapi masa depan yang tidak menentu akibat perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu. Mengikut perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara, saramai 53,309 'anak tak sah taraf' didaftarkan dengan Jabatan berkenaan dalam tempoh tiga tahun 1999-2001. Mengikut takrif yang dipakai, 'anak tak sah taraf' adalah anak yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan atau di luar tempoh 280 hari selepas pembubaran sesuatu perkahwinan. Selain itu, terdapat 1,183 kes anak tanpa maklumat bapa dan 124 kes tanpa maklumat ibu bapa yang didaftarkan oleh Jabatan berkenaan dalam tempoh masa tersebut. Kerajaan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah anak tak sah taraf ini.

